

# Dr. M hantar takziah ke Yemen Utara

KUALA LUMPUR, Khamis — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menghantar satu perutusan takziah kepada Republik Arab Yemen kerana kehilangan nyawa dan harta benda selepas bencana gempa bumi yang memusnahkan sebahagian dari wilayah Dhamar.

Dalam perutusan kepada Presiden republik itu, Kol. Ali Abdullah Salleh, Datuk Seri Dr. Mahathir berkata, "Bagi pihak kerajaan dan rakyat Malaysia, saya ingin menyampaikan rasa simpati dan takziah kepada keluarga-keluarga yang terlibat dan kepada rakyat republik itu."

"Saya berdoa ke hadrat Allah supaya roh mangsa-mangsa bencana itu tetap terpelihara dan keluarga yang terlibat menghadapi kehilangan itu dengan tabah," tambah beliau.

Menteri Luar, Tan Sri Ghazali Shafie juga menghantar perutusan yang sama kepada rakan sejawatnya, Encik Ali Luft Al-Tawr. — Bernama.